RINGGIT

BIL. 3/2020

RAKAN KEWANGAN ANDA

PERCUMA | PP 16897/05/2013 (032581)



Urus hutang secara aktif, berbincanglah dengan institusi perbankan anda



Intipati Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)



Perkara yang perlu diketahui mengenai kedai pajak gadai

Lanjutan Moratorium dan Bantuan Bank Bersasar

ISSN 2180-3684

Adakah anda mempunyai sebarang komen mengenai RINGGIT?

Sila imbas kod QR untuk tinjauan bagi Majalah Ringgit.

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Lanjutan Moratorium dan Bantuan Bank Bersasar

Institusi perbankan telah memberikan penangguhan kepada pembayaran balik pinjaman / pembiayaan (moratorium) selama 6 bulan iaitu bermula 1 April 2020 sehingga 30 September 2020. Menurut laporan Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) di Kementerian Kewangan Malaysia yang memantau pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), sehingga 14 Ogos 2020, jumlah moratorium bayaran balik pinjaman institusi kewangan yang dimanfaatkan oleh rakyat adalah RM48.3 bilion, manakala RM26.0 bilion lagi dimanfaatkan oleh sektor perniagaan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan moratorium berada pada paras RM74.3 bilion.

Sememangnya, skim moratorium ini memberi ruang kelegaan sementara terutamanya kepada golongan yang teruk terjejas dan kehilangan punca pendapatan akibat wabak COVID-19. Dengan pembukaan semula aktiviti ekonomi yang semakin meluas kini, situasi ekonomi rakyat juga dijangka akan pulih secara berperingkat dan peminjam bolehlah mula menunaikan komitmen pembayaran semula hutang. Bagi mereka yang masih terkesan, kerajaan telah mengumumkan lanjutan moratorium dan bantuan bank bersasar. Pelanjutan ini terpakai kepada individu yang hilang pekerjaan pada tahun 2020 dan masih belum mendapat pekerjaan yang baru, serta individu yang masih bekerja, tetapi gaji mereka terjejas atau berkurangan akibat COVID-19. Di samping itu, institusi kewangan juga telah memberikan komitmen untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), baik peniaga, penjaja atau mereka yang bekerja sendiri yang turut terkesan akibat COVID-19.

Bagi mereka yang berada dalam kategori di atas, dan menjangkakan cabaran untuk memenuhi komitmen hutang menjelang tamatnya moratorium pada September 2020, dapatkan bantuan awal dengan menghubungi bank anda. Panduan persediaan menyambung semula komitmen pembayaran balik pinjaman:

1) Jangan tunggu saat akhir



Buat perancangan awal kewangan anda sebelum penangguhan pembayaran balik pinjaman berakhir, sebaiknya mula dari sekarang. Hubungi institusi perbankan pinjaman anda untuk berbincang mengenai pinjaman anda.



"Pengurusan kewangan perlu dilakukan dengan lebih cermat, teliti dan mengambil kira segala kemungkinan yang berlaku ..."

2) Kaji semula bajet bulanan



- Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Jaringan Pendidikan Kewangan, hanya 1 daripada 10 rakyat Malaysia mempercayai bahawa mereka tidak berdisiplin dalam mengurus kewangan mereka.
- Pengurusan kewangan perlu dilakukan dengan lebih cermat, teliti dan mengambil kira kemungkinan yang berlaku seperti pemotongan elaun, gaji dan mungkin juga pemberhentian kerja.
- Dahulukan perbelanjaan penting seperti pembayaran hutang, bil, sewa rumah dan lain-lain.
- Tangguhkan perbelanjaan yang tidak penting seperti makan di luar dan hiburan.



3) Jangan terjebak dengan skim penipuan kewangan



Elakkan daripada menambah hutang sedia ada walaupun diberikan diskaun untuk pembelian dalam talian dan sebagainya. Kebiasaannya apabila pendapatan tidak mencukupi, terdapat sesetengah pengguna yang mengambil keputusan untuk membuat pinjaman daripada Ah Long dan ada juga terjerat dalam penipuan seperti mangsa keldai akaun. Berfikirlah secara rasional sebelum mengambil tindakan yang boleh menjerumuskan kita kepada masalah kewangan yang lebih kompleks.

Sekiranya anda berasa tidak puas hati dengan keputusan selepas perbincangan dengan institusi kewangan, anda boleh merujuk perkara berkenaan di talian **1-300-88-5465** dan emel aduan anda kepada **bnmtelelink@bnm.gov.my** atau melalui borang maklumat di pautan **https://telelink.bnm.gov.my/**

Selain itu, anda juga boleh rujuk AKPK di talian khidmat pelanggan **03-2616 7766** atau melalui laman web **www.akpk.org.my** serta pautan **http://bit.ly/AKPKdmp2020** untuk mendapatkan khidmat kaunseling kewangan. Mereka akan memberi nasihat bagaimana anda boleh merancang pembayaran balik pinjaman dan juga cara untuk mengurus dan menyelesaikan semula hutang anda.

Sumber: www.fomca.org.my / www.bnm.gov.my / www.akpk.org.my

Sidang Redaksi

Penasihat
Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Dr. Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Maizatul Aqira Ishak
Baskaran Sithamparam
Nur Asyikin Aminuddin

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan secara berkala sebanyak enam edisi mulai tahun 2019. Untuk muat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks: 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang : www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2698 8044

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang : www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكس اساس جاي (ملیسیا) سندیرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Urus hutang secara aktif, berbincanglah dengan institusi perbankan anda

Pengurusan hutang secara aktif kerap dilakukan, sama ada secara sedar atau tidak. Anda mungkin pernah dengar seseorang itu mengambil satu hutang yang baru untuk membayar beberapa hutang lain yang lebih kecil. Langkah ini mungkin dapat mengurangkan bayaran bulanan, tetapi tempohnya mungkin akan menjadi lebih panjang.

Ada juga yang beralih kepada hutang yang kadar faedahnya adalah lebih tinggi, seperti kad kredit, atau mungkin juga hutang ceti kepada hutang peribadi. Langkah sebegini, sekiranya diuruskan dengan betul dapat membantu pengguna untuk menguruskan aliran tunai secara efisien dan mampu memberikan lebihan wang kepada pengguna.

Namun, kajian rambang oleh Jaringan Pendidikan Kewangan (dengan kerjasama Bernama) pada bulan Julai 2020 mendapati 76% rakyat Malaysia tidak menyedari yang peminjam individu mahupun perniagaan boleh mendapatkan khidmat nasihat profesional daripada institusi perbankan untuk mengatur semula hutang. Institusi perbankan merupakan pakar dalam menasihati pelanggan mereka untuk menguruskan hutang secara aktif bagi individu mahupun perniagaan.

Secara umumnya, terdapat tiga cara untuk mengatur semula hutang anda iaitu:

Kelonggaran *(Flexibility)*

- Kebenaran daripada pihak institusi perbankan untuk memberi keringanan dalam pembayaran balik pinjaman.
- Moratorium adalah contoh keringanan yang terpakai kepada semua peminjam.

Penjadualan semula *(Reschedule)*

- Memanjangkan tempoh bayaran tanpa mengubah struktur pinjaman.
- Terdapat persetujuan antara anda dan institusi perbankan untuk menjadual semula pinjaman anda, hasil daripada perundingan antara kedua belah pihak. Kebiasaannya, masih dalam kerangka perjanjian pinjaman sedia ada.

"Bagi mendapatkan penyelesaian yang komprehensif untuk jangka masa panjang, penstrukturan semula mungkin merupakan jalan terbaik dan lebih efisien."



Penstrukturan semula *(Restructure)*

- Perubahan pada struktur pinjaman secara menyeluruh berdasarkan situasi kewangan spesifik peminjam.
- Melibatkan perubahan terhadap perjanjian pinjaman asal kepada perjanjian baru yang lebih selesa, mengikut keperluan peminjam secara lebih komprehensif.
- Contohnya, kemudahan overderaf ditukar kepada pinjaman bertempoh, jumlah dan tempoh pinjaman serta jumlah bayaran bulanan mungkin juga boleh dikurangkan berdasarkan kadar yang lebih rendah, produk yang kadar faedahnya rendah, mahupun tempoh yang lebih tinggi.
- Penstrukturan semula banyak membantu dalam pelan jangka panjang peminjam individu mahupun sesebuah perniagaan. Ianya membantu aliran tunai ketika masa sukar dan menyumbang kepada pengurusan kewangan harian secara lebih efisien.

Bagi syarikat-syarikat besar pula, mereka mampu untuk mengambil penasihat kewangan bagi tujuan ini. Selagi hutang peminjam tidak bermasalah, proses pengurusan hutang sebegini tidak akan menjejaskan rekod kredit peminjam, malahan akan menjadikan rekod peminjam lebih kukuh untuk jangka panjang.

Institusi perbankan juga menyedari ramai rakyat Malaysia yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ada yang hilang pekerjaan, perniagaan terjejas mahupun punca pendapatan menjadi berkurangan. Hal ini sedikit sebanyak akan menjejaskan kemampuan untuk membayar balik pinjaman apabila tempoh pengecualian pembayaran pinjaman berakhir September ini.

Bagi mendapatkan penyelesaian yang komprehensif untuk jangka masa panjang, penstrukturan semula mungkin merupakan jalan terbaik dan lebih efisien. Walau bagaimanapun, proses penstrukturan semula memakan masa yang lebih panjang kerana pihak bank perlu menilai kemampuan peminjam berdasarkan terma yang baru.

Antara dokumen yang diperlukan untuk memohon termasuklah:

- Penyata bank
- Slip gaji
- Akaun perniagaan
- *'Aging list'* iaitu unjuran mudah tunai lampau dan lain-lain.

Penstrukturan semula juga mungkin melibatkan perjanjian pinjaman baru.



"Sebarang kelewatan mungkin menyebabkan peminjam berasa tertekan, memandangkan mereka perlu menyambung komitmen kewangan lama dalam senario punca pendapatan yang terjejas."

Oleh itu, pengguna dinasihatkan agar menghubungi terus institusi perbankan dengan segera dan berbincang mengenai keperluan menstruktur semula pinjaman mereka. Elakkan daripada menggunakan perkhidmatan pihak ketiga dalam proses ini untuk mengelakkan anda daripada ditipu.

Sebarang kelewatan mungkin menyebabkan peminjam berasa tertekan, memandangkan mereka perlu menyambung komitmen kewangan lama dalam senario punca pendapatan yang terjejas. Ini boleh mengganggu emosi, kerjaya, perkembangan perniagaan dan juga aliran tunai. Pengguna perlu mula merancang dari sekarang berkenaan pinjaman yang perlu dibayar sebelum pengecualian pembayaran balik pinjaman berakhir. Jangan hanya tunggu dan lihat.

Sehubungan itu juga, FOMCA menyarankan agar pengguna menilai semula kedudukan kewangan anda. Sekiranya pengguna menjangkakan akan menghadapi masalah pembayaran balik pinjaman, pengguna perlu menghubungi institusi kewangan masing-masing secepat mungkin untuk berunding. Pengguna yang mempunyai pinjaman lebih dari satu bank, boleh juga menghubungi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk mendapatkan nasihat secara percuma kerana agensi berkenaan akan memberikan kaunseling atau membantu menstruktur semula pinjaman, jika diperlukan.

Sumber: www.bnm.gov.my

Intipati penjana

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara



Pada 5 Jun 2020, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia, telah memperkenalkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara yang dikenali sebagai PENJANA dan bertemakan 'Bersama Menjana Ekonomi' untuk meneruskan kesinambungan daripada pakej PRIHATIN sebelum ini. Pelan ini bertujuan adalah untuk memperkukuhkan ekonomi negara yang terjejas akibat wabak COVID-19 yang melanda sejak awal tahun 2020. Fasa pemulihan yang dilalui negara ketika ini adalah tempoh paling sesuai untuk rakyat bangun semula selepas melalui pelbagai kesan krisis wabak COVID-19.

PENJANA memberi fokus terhadap tiga teras utama iaitu Memperkasa Rakyat, Melonjakkan Perniagaan dan Merangsang Ekonomi. Terdapat beberapa manfaat yang boleh dinikmati oleh rakyat Malaysia melalui inisiatif ini.

i. Teras Pertama: Memperkasa Rakyat

Kerajaan berusaha untuk mengambil langkah-langkah bagi melindungi pekerjaan dan meningkatkan kemahiran pekerja dalam mengatasi masalah pengangguran di Malaysia. Di samping itu, terdapat beberapa inisiatif diperkenalkan untuk membantu rakyat mengekal atau meningkatkan kemahiran mereka dalam memanfaatkan peluang semasa ekonomi sedang beransur pulih.

a. Program Subsidi Upah

- ☑ Menggalakkan pengekalan pekerja dan mengurangkan kehilangan pekerjaan melalui penambahbaikan program subsidi upah sedia ada.
- ☑ Dilanjutkan selama 3 bulan bagi majikan yang layak dengan kadar RM600 sebulan untuk setiap pekerja sehingga maksima 200 pekerja bagi setiap syarikat.
- ☑ Kelonggaran kepada majikan yang membenarkan pekerja mengambil cuti tanpa gaji, dengan syarat pekerja tersebut menerima subsidi upah secara langsung (khas untuk sektor pelancongan dan sektor yang tersenarai dalam aktiviti yang dilarang sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) seperti pekerja di pusat refleksologi, pusat hiburan dan taman tema yang melibatkan perhimpunan awam).

b. Program Insentif Pengambilan Pekerja selama 6 bulan sehingga Disember 2020

- ☑ Membantu syarikat dengan memberikan insentif kewangan untuk memberi pekerjaan kepada penganggur dan belia melalui insentif yang diperkenalkan:
  - » **Golongan belia**: Program perantis bagi graduan dan lepasan sekolah dengan pemberian elaun latihan sebanyak RM600 sebulan selama 6 bulan.
  - » **Golongan penganggur**: Menggaji golongan penganggur dengan elaun sebanyak RM800 sebulan selama 6 bulan (bawah umur 40 tahun), manakala RM1000 sebulan selama 6 bulan bagi penganggur berumur 40 tahun dan ke atas dan golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

c. Program Peningkatan Kemahiran *(Upskilling)*

- ☑ Meningkatkan kebolehpasaran golongan penganggur melalui program latihan untuk mendapatkan kemahiran dan meningkatkan kemahiran yang sedia ada.
- ☑ Bagi meningkatkan kemahiran untuk golongan pengganggur, kerajaan melaksanakan program seperti menggalakkan penganggur melanjutkan pelajaran terutamanya dalam kursus jangka pendek di universiti tempatan, memperkasakan latihan keusahawanan dan juga mewujudkan skim latihan wakil pemasaran sehingga RM800 seorang dengan mendaftar di Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (SIDC).

d. Program subsidi pengangkutan awam MY30

- ☑ Meringankan beban kos pengangkutan awam yang perlu ditanggung oleh pengguna.
- ☑ Pengguna hanya perlu membayar RM30 sahaja sebulan selama 6 bulan untuk menikmati pas perjalanan tanpa had bagi penggunaan perkhidmatan awam seperti perkhidmatan rel (MRT, LRT, Monorel), BRT, bas RapidKL dan juga bas pengantara MRT di lembah Klang. Program ini terbuka kepada semua warganegara dan berkuatkuasa pertengahan bulan Jun sehingga Disember 2020.

ii. Teras Kedua: Melonjakkan Perniagaan

Kebanyakan sektor ekonomi ditutup selama hampir dua bulan berikutan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diarahkan oleh kerajaan. Perniagaan tidak dapat beroperasi sepenuhnya secara tidak langsung memberi impak kepada pendapatan dan sumber kewangan kebanyakan perniagaan, terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan juga perusahaan mikro. Oleh itu, beberapa inisiatif telah diperkenalkan

di bawah inisiatif PENJANA bagi sektor perniagaan yang telah dibuka semula pada bulan Mei termasuklah:

a. Kempen *"Shop Malaysia Online"* bagi Penggunaan Dalam Talian

Menggalakkan rakyat berbelanja secara dalam talian, di mana kod promosi dan pelbagai baucar diskaun akan diberikan melalui platform e-dagang.

b. Pusat Sehenti *MyAssist* SME

Memberi bimbingan dan membantu proses pemulihan perniagaan bagi PKS dalam meningkatkan akses kepada SMEHub yang sedia ada. Perkhidmatan yang ditawarkan termasuklah bimbingan untuk:

- ☑ Kemudahan pembiayaan
- ☑ Kemudahan perdagangan
- ☑ Penjenamaan dan promosi
- ☑ Sokongan teknologi
- ☑ Perundangan

c. Menawarkan Pembiayaan Mudah Bumiputera

Memastikan kelangsungan usahawan Bumiputera melalui sokongan kewangan RM200 juta khas untuk perniagaan milik Bumiputera.

d. Sokongan untuk Meringankan Beban Kewangan Perniagaan

Meringankan tekanan kewangan terhadap perniagaan melalui penghapusan penalti yang berkaitan dengan pembayaran cukai lewat.

- ☑ Remisi penalti sebanyak 50% akan diberikan kepada syarikat atau pengilang berdaftar yang lewat membuat pembayaran cukai jualan atau cukai perkhidmatan bermula 1 Julai 2020 hingga 30 September 2020.
- ☑ Pelanjutan potongan cukai khas bersamaan 30% bagi pengurangan sewa premis perniagaan sehingga 30 September 2020.

iii. Teras Ketiga: Merangsang Ekonomi

Usaha kerajaan perlu ditingkatkan untuk menambahbaik dan merangsang ekonomi, serta membolehkannya pulih menjelang tahun 2021 dan seterusnya. PENJANA ini juga akan membolehkan ekonomi Malaysia melalui kalibrasi semula, dan melonjak ke arah pemulihan negara. Antara inisiatif untuk merangsang semula ekonomi negara adalah:

a. Mengadakan Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia

Menggalakkan penggunaan barangan dan perkhidmatan tempatan melalui:

- ☑ Kempen "Beli Malaysia" oleh kerajaan dan agensi berkaitan.
- ☑ Mewajibkan penandaan barang buatan tempatan bagi rangkaian pasaraya.
- ☑ Mewujudkan saluran khusus untuk produk Malaysia di platform e-dagang utama.

b. Memperkenalkan ePENJANA

Menggalakkan penggunaan e-dompet dalam kalangan pengguna yang memudahcara penjarakan sosial untuk menjaga keselamatan pengguna di samping menggalakkan perbelanjaan pengguna melalui:

- ☑ Kredit e-dompet bernilai RM50.
- ☑ Tawaran tambahan oleh pembekal perkhidmatan e-dompet sebanyak RM50 melalui baucar diskaun dan kredit tambahan melalui *cashback*.
- ☑ Kredit hanya boleh digunakan untuk pembelian secara fizikal di kedai dan bukan perkhidmatan dalam talian.

Manfaat ini boleh dinikmati oleh semua rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berpendapatan kurang daripada RM100,000 setahun.

c. Kempen Pemilikan Rumah atau *Home Ownership Campaign* (HOC)

Merancakkan semula pasaran hartanah melalui:

- ☑ Pengecualian duti setem akan diberikan ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah kediaman yang bernilai antara RM300,000 hingga RM2.5 juta.
- ☑ Pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) diberikan kepada individu warganegara Malaysia ke atas pelupusan rumah kediaman yang dibuat mulai 1 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2021. Pengecualian ini dihadkan bagi pelupusan tiga unit rumah kediaman sahaja untuk setiap individu.

d. Insentif Cukai untuk Pembelian Kereta

- ☑ Dengan adanya insentif seperti ini, beban kewangan pengguna dapat dikurangkan malahan mampu merancakkan semula industri automotif negara.
- ☑ Pengecualian cukai jualan sebanyak 100% ke atas penjualan kereta penumpang pemasangan tempatan dan 50% bagi kereta penumpang import.

e. Sokongan Sektor Pelancongan

Membantu sektor pelancongan yang terjejas akibat COVID-19 melalui insentif cukai seperti:

- ☑ Pengecualian cukai pelancongan mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021.
- ☑ Lanjutan pengecualian cukai perkhidmatan untuk hotel sehingga 30 Jun 2021.
- ☑ Lanjutan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan melancong dalam negara sehingga 31 Disember 2021.
- ☑ Lanjutan penangguhan bayaran ansuran ke atas anggaran cukai sehingga 31 Disember 2020.

Secara kesimpulannya, melihat kepada senario ekonomi semasa dan trend pengangguran dan pembuangan pekerja yang terus meningkat, inisiatif PENJANA sedikit sebanyak dapat membantu golongan yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19. Begitu juga, ianya dapat membantu untuk merancakkan semula ekonomi negara untuk berkembang lebih maju selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ditamatkan. Justeru itu, FOMCA berharap rakyat Malaysia dapat menggunakan manfaat yang sedia ada dan juga yang telah ditambah baik mengikut situasi semasa negara dengan sebaik mungkin.

Sumber: www.penjana.treasury.gov.my



Perkara Yang Perlu Diketahui Mengenai Kedai Pajak Gadai

Kedai Pemegang Pajak Gadai Berlesen di Malaysia atau lebih dikenali sebagai Kedai Pajak telah berada di Malaysia sejak tahun 1871. Kini, terdapat lebih kurang 571 Kedai Pemegang Pajak Gadai Berlesen di Malaysia.

– Bahagian Kawalan Kredit Komuniti, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Pada tahun 2018, terdapat 4 juta pelanggan pajak gadai dengan jumlah pajak RM8.532 juta.

– Berita Harian, 20 Jun 2019



Pajak gadai menyediakan akses kepada pengguna untuk mendapatkan pinjaman dengan mudah, sekiranya mempunyai barangan berharga untuk dipajakkan. Memandangkan ramai yang menggunakan perkhidmatan Kedai Pajak, maklumat berikut perlu diambil tahu:

1. Faedah maksima yang dibenarkan ialah **2% sebulan atau 24% setahun**. Jika kedai pajak gadai mengenakan **kadar faedah yang terlalu tinggi** (lebih 2% sebulan) ke atas sesuatu pinjaman, anda boleh membawa perkara ini kepada pejabat Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

2. Tempoh gadaian ialah **selama enam bulan**, tetapi gadaian juga boleh ditebus pada bila-bila masa. Sekiranya tidak dapat menebus gadaian sebelum tamat tempoh, pemajak gadai boleh memberitahu kepada pemegang pajak gadai untuk melanjutkan tempoh masa tidak kurang daripada tiga bulan.

3. **Semak tarikh luput.** Anda tidak boleh menuntut barang selepas tarikh luput, kecuali kedai pajak gadai bersetuju memanjangkan tempoh berkenaan.

4. Selepas tarikh luput, semua barangan yang digadai yang nilainya kurang daripada RM200 **akan menjadi kepunyaan kedai pajak gadai** berkenaan dan bukan kepunyaan anda lagi.

5. Jika anda merasa bahawa gadaian anda berkurang nilai atau jika kedai pajak gadai enggan menyerahkan gadaian anda, **kemukakan aduan kepada majistret**. Majistret mempunyai kuasa untuk memerintah kedai pajak gadai untuk membayar gantirugi yang munasabah.

6. Setiap butir lanjutan hendaklah dibuat dalam **buku pemegang pajak gadai** juga dalam surat pajak gadai. Pemegang pajak gadai perlu menghantar notis berdaftar kepada pemajak gadai mengenai tindakan untuk melelong barangan. Notis ini perlu diterima oleh pemajak gadai tujuh hari sebelum urusan pelelongan.

7. Kedai pajak gadai bertanggungjawab atas **kehilangan atau kemusnahan akibat kecurian atau kebakaran**.

8. **Sentiasa mendapatkan resit** setiap kali anda membuat pembayaran. Jika anda kehilangan resit / tiket gadaian anda berhak mendapatkan salinannya secara percuma.

9. Pastikan kedai pajak gadai yang anda berurusan **mempunyai lesen yang sah**.

   Sila hubungi Bahagian Kawalan Kredit Komuniti, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membuat semakan.

10. **Semak buku catatan** kedai pajak gadai untuk memastikan bahawa kandungannya adalah sama dengan surat pajak gadai yang anda terima.



Kelemahan Pajak Gadai



- Kadar faedah tinggi iaitu 2% sebulan atau 24% setahun, jauh melebihi kadar pasaran.
- Barang kemas yang digadai, samada cincin, gelang atau rantai biasanya tidak ditimbang atau diukur. Banyak aduan diterima di Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) di mana barang kemas yang digadai itu lebih ringgan atau pendek apabila ditebus. Terdapat aduan yang peniaga pajak gadai sudah kikis sedikit emas daripada barang itu.

FOMCA mencadangkan agar pemajak meminta pemegang pajak untuk merekodkan barangan yang digadai contohnya sebentuk cincin, seutas rantai dan yang paling penting menimbang berat dan mengukur panjang rantai emas tersebut dan meminta butir-butir tersebut dituliskan di atas resit sebelum memberikan barangan tersebut.

- Andai peminjam gagal menebus dalam tempoh yang ditetapkan, pemegang pajak gadai boleh memiliki nilai gadaian yang kurang daripada RM200, tanpa melantik pelelong berlesen. Akta Pajak Gadai 1972 juga tidak memperuntukkan barang gadaian dipamerkan sewaktu lelongan awam dilakukan.





Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu)

Terdapat juga perkhidmatan pajak gadai yang dijalankan menggunakan konsep patuh syariah, juga dikenali sebagai Ar-Rahnu. Melalui sistem ini, perjanjian dikaitkan dengan sesuatu ganjaran dan tidak dikenakan faedah terhadap pinjaman. Menurut konsep ini juga, penerima gadaian akan memberi nilai gadaian yang sepatutnya dengan barang gadaian yang digadai oleh penggadai.

Perbezaan Pajak Emas di Kedai Pajak Gadai dan Institusi Perbankan



Terdapat juga institusi perbankan yang menyediakan perkhidmatan pajak gadai. Memajak di institusi perbankan mempunyai kelebihan berbanding di kedai pajak, memandangkan institusi perbankan disyaratkan untuk mengguna pakai prosedur yang ketat dalam penawaran produk dan perkhidmatan bagi melindungi pengguna. Di samping itu, keselamatan barangan yang dipajak juga lebih terjamin kerana premis institusi perbankan, lazimnya lebih selamat. Sekiranya sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku seperti rompakan ataupun kebakaran, nilai barangan kemas tersebut akan dipulangkan semula oleh pihak bank berbanding dengan kedai pajak gadai yang hanya bertanggungjawab untuk memulangkan lebihan pinjaman sebanyak 25% sahaja.

Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan
Bahagian Kawalan Kredit Komuniti, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
melalui nombor **03-8000 8000**
atau e-mel di alamat **bkkk@kpkt.gov.my**

Sumber: www.fomca.org.my

Pelancongan dan Percutian



Pada tahun 2019, industri pelancongan merupakan penyumbang ketiga terbesar kepada ekonomi Malaysia dan guna tenaga industri pelancongan dianggarkan seramai 3.2 juta pekerja. Tidak hairanlah, kerajaan menawarkan Skim Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA bernilai RM1 bilion pada awal bulan Jun 2020 bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan perusahaan mikro tempatan memulihkan sektor pelancongan yang terjejas teruk berikutan penularan COVID-19, terutama dalam sektor yang dikategorikan sebagai teras, seperti berikut:

1. Premis penginapan pelancongan (hotel bajet, inap desa berdaftar, chalet dan rumah peranginan)
2. Agensi pelancongan dan pengusaha pelancongan
3. Pengangkutan untuk pelancong (pengusaha bas, bot dan kereta sewa)

Skim pembiayaan ini harus dimanfaatkan sebaiknya oleh pengusaha sektor pelancongan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pelancongan, mengukuhkan keupayaan mereka membuat penyesuaian serta meningkatkan daya saing selepas negara pulih daripada COVID-19 nanti. Aduan yang diterima oleh Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) pada 2018 (4,411 aduan), bolehlah digunakan sebagai panduan dalam memperbaiki kualiti perkhidmatan sektor pelancongan. Sebanyak 27.93% daripada jumlah aduan adalah mengenai penipuan oleh agensi pelancongan yang tidak berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).



Ramai pengguna yang terpedaya dengan tipu helah 'ejen' yang menjanjikan percutian atau pelancongan yang jauh lebih murah daripada harga pasaran. Kebiasaannya agensi pelancongan ini akan mendesak pengguna membayar secara ansuran 6 hingga 8 bulan sebelum tarikh percutian sebenar. Namun apabila para pengguna cuba menghubungi agensi tersebut sebelum tarikh percutian, baru mereka sedar bahawa agensi tersebut telah melarikan diri dengan wang pengguna.

Aduan kedua yang tertinggi yang diterima adalah tuntutan balik atau refund yang merangkumi 13.97% daripada jumlah keseluruhan aduan. Punca para pengguna membuat tuntutan ini adalah kerana pembatalan percutian, pembayaran sebanyak dua kali kerana transaksi kali pertama tidak berjaya atau perkhidmatan yang ditawarkan adalah tidak memuaskan. Namun apabila para pengguna membuat tuntutan balik daripada agensi pelancongan, ianya mengambil masa yang sangat lama. Jawapan yang diberikan pula tidak memuaskan. Malah, ada agensi yang mengherdik para pengguna dengan kata-kata yang kesat serta memberi janji kosong dengan tidak membayar balik tuntutan.

Aduan mengenai kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh pihak agensi pelancongan ini berada pada kedudukan ketiga dengan 7.98% daripada jumlah keseluruhan. Antara aduan yang diterima adalah tentang kebersihan bilik penginapan percutian yang diberikan oleh agensi pelancongan mahu pun hotel-hotel yang dipilih sendiri oleh para pengguna. Malah ada pengguna yang mengadu mereka dijangkiti penyakit kulit gara-gara katil yang tidak bersih serta digigit oleh pepijat dan terpaksa mendapat rawatan pakar perubatan. Pihak hotel pula tidak mahu melayan permintaan pengguna apabila pengguna meminta pampasan daripada pihak hotel. Terdapat juga kes-kes layanan yang tidak mesra diberikan oleh para pekerja di tempat penginapan. Ada kalanya, para pekerja bersikap kasar dan memberi maklumat yang salah



kepada tetamu di tempat penginapan. Selain daripada itu, layanan yang diberikan oleh pekerja sektor pengangkutan awam seperti bas, teksi dan pemandu e-hailing juga ada yang kurang sempurna. Pekerja di lapangan ini merupakan tunjang kepada peningkatan sektor pelancongan dan adalah penting untuk mereka mendokong hasrat kerajaan untuk memajukan industri pelancongan di negara kita.

Selain daripada itu, industri penerbangan juga turut menerima aduan sebanyak 19.74%. Aduan yang diterima merangkumi masalah tempahan (6.73%), perubahan jadual penerbangan (4.24%), masalah bagasi (3.99%), pertikaian tambang penerbangan (2.99%) dan pembatalan penerbangan (1.79%). Industri penerbangan sepatutnya memberi perkhidmatan yang cemerlang untuk menggalakkan lebih ramai pelancong tempatan dan asing untuk berkunjung ke negara kita. Namun perkhidmatan yang disediakan oleh industri penerbangan ini perlu diperbaiki. Misalnya, bila pelanggan membuat tempahan tiket penerbangan atas talian, ada kalanya sistem tersebut tidak memberi maklum balas menyebabkan pengguna terpaksa membuat tempahan semua. Akhirnya pengguna terpaksa membayar dua kali dan urusan menuntut kembali wang tersebut amat sukar sekali. Ada kalanya industri tersebut tidak mengembalikan wang dan kalau adapun, akan mengambil masa yang sangat lama.

Di samping itu, 6.23% aduan diterima mengenai representasi palsu dalam sektor perhotelan mahupun pelancongan. Contohnya, pelancong dijanjikan bilik yang menghadap laut dengan pandangan panoramik, tetapi ianya tidak ditunaikan.

Begitu juga dengan agensi pelancongan yang menjanjikan makanan di hotel yang ternama, tetapi pada hakikat, ianya tidak dikotakan.

Hotel-hotel juga turut menerima 407 aduan daripada pengguna sepanjang 2018. Aduan ini merangkumi pelbagai isu seperti tempahan hotel (3.31%), kebersihan hotel dan pembatalan bilik hotel atas talian masing-masing pada 2.49% dan kaunter daftar masuk (2.38%). Walaupun isu-isu ini mungkin menunjukkan peratusan yang sedikit, tetapi kesannya adalah besar kepada industri pelancongan di negara kita. Bila pengguna diberi layanan yang buruk semasa mendaftar, ianya akan memberikan pandangan yang negatif terhadap hotel tersebut.

FOMCA ingin menyeru agar Skim Pembiayaan Sektor Pelancongan yang baru dilancarkan ini dapat digunakan bukan sahaja untuk memberikan nafas baru kepada sektor pelancongan yang terjejas teruk akibat COVID-19, tetapi juga dijadikan pemangkin kepada tahap kualiti perkhidmatan yang lebih baik dalam kalangan pengusaha sektor pelancongan.

Pengguna boleh memainkan peranan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan melaporkan ketidakpuasan hati terhadap perkhidmatan pelancongan kepada MOTAC atau NCCC. Selain itu, pengguna juga dinasihatkan untuk mendapatkan insurans perjalanan untuk melindungi diri dan/atau keluarga terhadap kemalangan, kerugian dan gangguan semasa melancong.

Sumber: Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)



3 panduan berguna dalam mengurus pelan bayaran balik pinjaman

1 HUBUNGI TERUS BANK ANDA

- Hubungi terus bank untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan khidmat nasihat berkenaan pelan bayaran balik pinjaman

2 JANGAN BERURUSAN DENGAN PIHAK KETIGA

- Berurusan secara langsung dengan bank tanpa pihak ketiga atau ejen untuk mengelak daripada ditipu

3 DAPATKAN BANTUAN LANJUT

- Hubungi pihak Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mendapatkan bantuan lanjut. Sila hubungi BNMLINK:

1-300-88-5465

https://telelink.bnm.gov.my/



PERINGATAN !
Bank tidak pernah melantik mana-mana pihak ketiga atau ejen untuk tujuan memproses permohonan pinjaman

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

BANK NEGARA MALAYSIA LINK

FEN FINANCIAL EDUCATION NETWORK